

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(5)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 06 TAHUN 2016**

Tarikh : 30 Jun 2016 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 06/2016 dan seterusnya memaklumkan mengenai beberapa perkara berikut:

**2.1 PROGRAM KETUK-KETUK SINGGAH SAHUR MAJLIS
PERBANDARAN SUBANG JAYA 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menganjurkan satu program yang dinamakan **Program Ketuk-Ketuk Singgah Sahur MPSJ 2016** pada **10 Jun 2016 (Jumaat)** bertempat di **Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara**.

Pengisian program ini melibatkan aktiviti mengedarkan sumbangan barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak dan gula kepada penghuni Pangsapuri Enggang. Program yang melibatkan sejumlah **30 unit rumah** yang telah dikunjungi merupakan kerjasama MPSJ bersama **AEON Big (M) Sdn. Bhd.** dan **Pavilion Reit Management**.

Adalah diharapkan semoga program sebegini dapat meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan disamping menggalakkan Kerjasama Program-Program **Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility – CSR)** diantara MPSJ dan pelbagai agensi.

Pihak Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Majlis, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ yang telah turut sama menjayakan program ini.

2.2 MAJLIS MERAIKAN ANAK YATIM DAN ASNAF BERSEMPENA BULAN RAMADHAN 1437H

Sukacita dimaklumkan melalui Program Tanggungjawab Sosial (CSR) Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama **Mydin Mohamed Holdings Berhad** dan **Syarikat Tropicana Corporation Berhad** telah menganjurkan program yang dinamakan **Majlis Meraikan Anak Yatim dan Asnaf Bersempena Bulan Ramadhan 1437H**.

Program yang telah diadakan pada **11 Jun 2016 (Sabtu)** bertujuan untuk meraikan seramai lima puluh lima (55) orang anak-anak yatim dan asnaf daripada **Rumah Baitul Hidayah, Puchong** dan **Pusat Kebajikan Pendidikan dan Tahfiz Baitul Ulfah, Seri Kembangan** yang telah dibawa ke Kompleks Membeli-Belah Mydin USJ 1, Subang Jaya bagi membeli barang keperluan sambutan Hari Raya Aidil Fitri seperti baju, seluar dan kasut.

Program ini turut melibatkan **ahli-ahli PUSPANITA, AKRAB, MBJ, KOSUJA** dan **Biro Agama Kelab Sukan MPSJ**. Pihak

Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini. Semoga segala usaha murni yang dilaksanakan ini berjaya meringankan beban dan berkongsi kegembiraan untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

2.3 MAJLIS PENUTUP TADARUS AL-QURAN PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 1437H

Sukacita dimaklumkan bahawa, Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Surau MPSJ dan Kelab Sukan Dan Kebajikan MPSJ telah mengadakan **Majlis Penutup Tadarus Al-Quran MPSJ 1437H** pada 29 Jun 2016 (Rabu) jam 8.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 1, Bangunan Ibupejabat MPSJ.

Pada tahun ini seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja MPSJ telah turut sama menyertai program Tadarus Al-Quran bagi mengimarahkan sambutan bulan Ramadhan 1437H. Program Tadarus Al-Quran ini telah bermula pada **6 Jun 2016 (bersamaan 1 Ramadhan 1437H) sehingga 30 Jun 2016 (bersamaan 25 Ramadhan 1437H)** di Surau Ar-Raudhah, MPSJ.

Semoga program ini dapat mengimarahkan lagi sambutan bulan Ramadhan 1437H dan memupuk minat cintakan Al-Quran dikalangan warga kerja MPSJ. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan program ini.

2.4 MAJLIS SAMBUTAN AIDIL FITRI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2016/1437H

MPSJ akan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Majlis Perbandaran Subang Jaya 2016/1437H pada:

Tarikh : 22 Julai 2016 (Jumaat)
Masa : 3.00 petang hingga 6.00 petang
Tempat : Perkarangan Kompleks Arena MPSJ,

Bangunan Ibupejabat MPSJ

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.5 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke 25, MPSJ telah mencatatkan sebanyak 5,462 kes demam denggi berbanding 5,928 kes pada tempoh yang sama pada tahun lalu. Trend kes adalah tidak menentu kerana terdapat peningkatan kes bermula minggu epid ke 23 (169 kes) dan minggu epid ke 24 (198 kes) tetapi pada minggu epid yang lalu iaitu epid ke 25, trend kes telah menurun semula kepada 173 kes.

Sebanyak 20 hotspot demam denggi pada ketika ini iaitu 3 di zon Subang Jaya, 2 di zon Kinrara, 11 di zon Seri Serdang dan 4 lagi di zon Seri Kembangan.

Menjelang perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi, dijangka ramai penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ akan pulang ke kampung masing-masing untuk menyambut hari lebaran. Sehubungan itu, penduduk perlu memastikan kawasan kediaman dan premis masing-masing bebas daripada tempat-tempat pembiakan aedes dengan memusnahkan tempat-tempat atau bekas-bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes sebelum pulang ke kampung halaman masing-masing.

2.6 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM

MPSJ telah menjalankan **Operasi Pacak dan Pemantauan** secara berterusan di kawasan yang sering menjadi tapak pelupusan sampah haram. Sehubungan itu, dari Januari sehingga Mei 2016 MPSJ telah **membuat sitaan terhadap lapan (8) buah lori** yang melakukan kesalahan membuang sampah secara haram

manakala sebanyak **tujuh (7) Notis Tawaran Kompaun (NTK)** pula dikeluarkan atas kesalahan yang sama.

2.7 LOKASI TAPAK PEMASANGAN PENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK DI KAWASAN MPSJ

Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) merupakan rakan strategik MPSJ untuk jaringan stesen pengecas kenderaan elektrik merupakan hasil kerjasama **Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Selangor, UPEN** bersama **Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)** dan dibiayai oleh **Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE)**.

Pengecas kenderaan elektrik yang telah dipasang di kawasan bangunan MPSJ adalah di **parkir grandstand Kompleks Arena MPSJ sebanyak dua (2) unit** dan satu **(1) unit di parkir Kompleks 3C MPSJ**.

Sementara itu, sehingga kini dua (2) kawasan telah dipasang pengecas kenderaan elektrik iaitu di **One City Mall** yang melibatkan dua (2) unit di Premium Parking dan satu (1) unit di Basement. Manakala di **Empire Shopping Gallery** melibatkan satu (1) unit di Premium Parking dan satu (1) unit di VIP Parking. Jumlah keseluruhan unit yang telah dipasang adalah sebanyak **lima (5) unit**.

Pengecas elektrik di One City Mall telah siap dipasang pada 20 Jun 2016. Manakala untuk di Empire Shopping Gallery siap dipasang pada 27 Jun 2016.

2.8 PROJEK SAMBUNGAN LALUAN LIGHT RAIL TRANSIT (LRT) KELANA JAYA DAN AMPANG

Projek sambungan laluan LRT Kelana Jaya dan Ampang oleh Prasarana Malaysia Berhad telah mula mendapat Kebenaran Merancang pada tahun 2010. Proses kerja-kerja pembinaan projek ini dikategorikan sebagai kerja-kerja awalan, kerja-kerja

fasiliti dan kerja-kerja sistem. Kerja-kerja awalan bermula pada pertengahan 2010. Manakala kerja-kerja fasiliti bermula pada awal 2011. Kerja-kerja fasiliti adalah melibatkan pembinaan landasan dan stesen.

LRT Laluan Ampang dan Laluan Kelana Jaya yang telah siap dan akan mula beroperasi sepenuhnya pada **30 Jun 2016 (Khamis)**. Majlis perasmian yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri bertempat di Stesen LRT 13 Laluan Ampang, Putra Heights, Subang Jaya pada jam 2.00 petang.

2.9 KEMUDAHAN PERKHIDMATAN FEEDER BAS

Kemudahan *Feeder Bus* yang menghubungkan kawasan-kawasan LRT telah ditentukan oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengangkutan Awam dan Lalulintas bertarikh 20 Jun 2016 (Isnin). Syarikat yang beroperasi adalah Rapid Bus dan Nadi Putera. Ia terdiri daripada 16 laluan *feeder bus*. Semakan laluan terperinci boleh didapati di laman *web* myrapid.com.my.

Pihak SPAD juga telah membuat *Bus Network Revamp* untuk kawasan MPSJ. Bas yang beroperasi di dalam kawasan MPSJ adalah Rapid KL, Nadi Putra dan Metrobus. Pecahan laluan yang terlibat adalah RapidKL 18 laluan, Nadi Putra 4 laluan dan Metrobus 2 laluan.

2.10 PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR MPSJ

Bas *Smart* Selangor MPSJ telah beroperasi mulai 1 Julai 2015 dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor. Perkhidmatan bas ini telah menunjukkan rekod pencapaian bilangan penumpang yang meningkat dari 19,699 orang pada bulan Julai 2015 dan meningkat ke 34,447 orang pada Disember 2015.

Pada Januari 2016 peningkatan penumpang berlaku dari 37,272 orang kepada 43,635 orang yang direkodkan pada Mei 2016.

Peningkatan sebanyak 8% dari jumlah penumpang 2015 dan 2016 adalah petunjuk yang positif untuk perkhidmatan percuma bas *Smart* Selangor.

Bilangan purata penumpang harian untuk tahun 2015 adalah sebanyak 1,380 orang di mana purata penumpang harian untuk hari bekerja adalah 1,274 orang dan untuk hari minggu adalah 1,405 orang.

Pencapaian pada Mei 2016 telah meningkat ke purata penumpang berjumlah 1,408 orang sehari dan purata untuk hari bekerja adalah 1,392 orang dan purata untuk hari minggu adalah 1,445 orang. Ini menunjukkan peningkatan penggunaan yang ketara terhadap bas *Smart* Selangor dari tahun 2015 dan 2016 .

Kemudahan mesra OKU dan *wifi* percuma di dalam setiap bas menjadikan perkhidmatan bas *Smart* Selangor amat popular di kalangan penduduk setempat.

2.11 PROGRAM PENGASINGAN SISA MAKANAN UNTUK PUSAT BIOMASS MPSJ

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menjalankan inisiatif khas bermula bulan Ramadhan 1437H dengan menjalankan **Program Pengasingan Sisa Makanan untuk Pusat Biomass MPSJ** yang melibatkan beberapa agensi. Antara agensi yang terlibat adalah:

Sebanyak **13 buah masjid dan surau** telah terlibat di dalam program ini yang bermula **8 Jun 2016**. Kutipan sisa makanan dilakukan setiap pagi di seluruh masjid dan surau yang terlibat. Masjid dan surau yang terlibat adalah:

- 1) **Masjid Darul Ehsan, SS15**
- 2) **Masjid Al-Falakh USJ 9**
- 3) **Masjid Al-Mukminun, USJ 2**
- 4) **Masjid Al-Irsyad, USJ 1**
- 5) **Masjid Al-Madaniah, USJ 18**
- 6) **Masjid Bandar Bukit Puchong, Jalan BP 7/1**

- 7) **Masjid An Nur, USJ 4**
- 8) **Masjid As Salam, Puchong Perdana**
- 9) **Masjid Al- Husna, Pusat Bandar Puchong**
- 10) **Surau Nurul Islah, Sek. 8, Putra Heights**
- 11) **Surau Baitul Rahman, Sek. 9, Putra Heights**
- 12) **Surau AL-Huda, SS 13/1B**
- 13) **Surau Nurul Ehsan, USJ 16**

Program Pengasingan Sisa Makanan ini juga telah mendapat kerjasama daripada pihak **hotel dan pasaraya** di dalam kawasan pentadbiran MPSJ. Setakat ini, **dua (2) buah hotel dan sebuah pasaraya** terlibat iaitu:

- 1) **Hotel Summit, USJ 1**
- 2) **Hotel Grand Dorsett, SS 12**
- 3) **Pasaraya Giant, USJ 1**

Jawatankuasa Penduduk (JKP) di kawasan Seri Serdang juga telah memberikan kerjasama yang baik dalam Program Pengasingan Sisa Makanan ini. Pihak JKP telah mengadakan sistem '*Barter Trade*' yang mana penduduk dan JKP boleh menukar sisa makanan kepada baja yang dihasilkan di Pusat Biomass MPSJ. Buat masa ini, terdapat **6 lokasi** yang menjalankan sistem ini di **sekitar kawasan SR 8**, Taman Seri Serdang.

Statistik kutipan sisa makanan yang berjaya dikutip dan diguna di Pusat Biomass MPSJ bagi **tempoh 1 hingga 25 Jun 2016 adalah sebanyak 3,493 kg.**

MASJID	HOTEL	PASARAYA	'BARTER TRADE' JKP
1,365 KG	754 KG	376 KG	998 KG
JUMLAH = 3,493 KG			

2.12 PERKHIDMATAN KUTIPAN SAMPAH PUKAL PERCUMA SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2016

Perkhidmatan ini bermula pada **23 Jun dan tamat pada 2 Julai 2016**. Kutipan hanya melibatkan perumahan '**landed property**' sahaja tetapi tidak termasuk sampah pukal pindah rumah. Penduduk atau JKP boleh membuat permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan ini melalui **talian hotline** Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) di talian **03-80267433/ 4363/ 7431**.

2.13 KES MAHKAMAH MELIBATKAN MAYLAND VALIANT SDN. BHD.

Pihak Majlis telah mengambil tindakan terhadap Mayland Valiant Sdn Bhd menerusi Writ Saman bertarikh 7 September 2012 untuk mendapatkan perintah deklarasi daripada Mahkamah diantaranya:-

- (i) untuk mengekalkan cadangan pembangunan tambahan dan pengubahsuaian terhadap sebahagian bangunan Hotel Grand Dorsett sedia ada sebagai hotel semata-mata;
- (ii) melarang Defendan untuk menggunakan hotel tersebut sebagai pangsapuri servis;
- (iii) melarang Defendan untuk menggunakan hotel tersebut sebagai pangsapuri servis tanpa Kebenaran Merancang

Pada 29 Jun 2016, **Mahkamah Tinggi Shah Alam telah memutuskan bahawa permohonan Majlis dibenarkan dengan kos sebanyak RM120,000.00 dibayar oleh Defendan kepada Majlis dan tuntutan balas pihak Defendan sebanyak RM146,610,577.39 juta juga telah ditolak oleh pihak Mahkamah** di atas alasan di antaranya seperti yang berikut:-

- (i) Hotel Suite yang dijual sebagai pangsapuri servis adalah bercanggah dengan Kebenaran Merancang yang diluluskan;
- (ii) Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Majlis adalah untuk tujuan hotel semata-mata;
- (iii) Kebenaran Merancang yang diluluskan adalah berasaskan kepada Garis Panduan hotel dan bukan untuk pangsapuri servis.

2.14 MAJLIS RUMAH TERBUKA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI PERDANA PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2016

Kerajaan negeri akan menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Perdana Peringkat Negeri Selangor 2016/1437H pada:

Tarikh : 9 Julai 2016 (Sabtu)
Masa : 10.00 pagi hingga 3.00 petang
**Tempat : Padang MPAJ AU 2, Jalan AU 2A,
Taman Sri Keramat, Hulu Kelang,
Gombak, Selangor Darul Ehsan.**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.15 UCAPAN KHAS SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI

Memandangkan Mesyuarat Penuh MPSJ pada bulan ini hampir dengan ketibaan sambutan perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang bakal diraikan tidak lama lagi iaitu pada **6 Julai 2016 (Rabu)**, saya mewakili pihak pengurusan dan warga kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidil Fitri** kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Islam.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran bulan Syawal yang bakal menjelma ini, marilah kita bersama-sama meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah. Gunakanlah peluang di hari lebaran ini untuk meraikan sambutan Aidil Fitri bersama orang-orang tersayang, khususnya ibu bapa dan keluarga tercinta di samping mempereratkan hubungan silaturrahim serta merapatkan tali persaudaraan.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 05/2016

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 19 Mei 2016 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 5/2016 bertarikh 2 Jun 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.9/2016 bertarikh 8 Jun 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil.10/2016 bertarikh 15 Jun 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil.5/2016
bertarikh 13 Jun 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil.
5/2016 bertarikh 14 Jun 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil.5/2016
bertarikh 16 Jun 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil.5/2016
bertarikh 17 Jun 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil.5/2016 bertarikh 21 Jun 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 10.15 & M/surat 38	Encik Jaber bin Ami	Tindakan penguatkuasaan ke atas pusat penyembelihan ayam.	Beliau memohon penjelasan daripada MPSJ berhubung tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan ke atas sebuah pusat penyembelihan di Puchong. <u>Maklumbalas</u> Ybhg. Dato Yang Dipertua memaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan ini dilakukan kerana perniagaan tersebut tidak memiliki lesen perniagaan daripada MPSJ. Pusat penyembelihan ayam ini juga tidak memiliki sijil halal daripada JAKIM dan beroperasi di tanah berstatus tanah pertanian. Disamping itu juga, operasi tersebut turut disertai oleh pihak JAKIM

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				serta Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.
2.	Para 10.24 & M/surat 53	Encik Jaber bin Ami	Permohonan lesen perniagaan dan iklan bagi hotel	Beliau memaklumkan mengenai kesukaran pengusaha hotel untuk mendapatkan sokongan daripada agensi luar seperti Bomba dan Kementerian Pelancongan bagi permohonan lesen perniagaan untuk hotel. Sehubungan itu, beliau memohon pertimbangan Jabatan Pelesenan untuk membantu pengusaha hotel bagi mengatasi kesulitan tersebut.

6.0 **PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT** **(Kertas Mesyuarat Bil. 01/06/2016)**

6.1 **Cadangan Pemberian Bantuan Khas Sempena Hari Raya AidilFitri 1437H/2016 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** kertas mesyuarat Cadangan Pemberian Bantuan Khas Kewangan Sempena Hari Raya AidilFitri 1437H/2016 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tersebut tanpa sebarang pindaan.

7.0 PENUTUP

- 7.1 Encik Jaber bin Ami (Parti Keadilan Rakyat), Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir (Parti Islam Se-Malaysia), Encik Tai Cheng Heng (Parti Tindakan Demokratik) dan Encik Edwin Lim Hock Lee (Non Governmental Organization) mewakili semua Ahli Majlis MPSJ memberi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada warga kerja MPSJ sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri 1437H.
- 7.2 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Jun 2016** akan diadakan pada 27 **Julai 2016 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(HAJI MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Penolong Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Hj. Jaber bin Ami | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 4. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 8. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 9. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M, P.P.A | - | " |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 15. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 16. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 17. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 18. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 19. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 21. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 22. | Puan Wong Siew Ki | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 3. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 4. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
8. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
10. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
12. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan
13. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
14. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
15. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
16. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

19. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
20. Puan Satinah binti Safirol
Pengarah, Jabatan COB
21. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
22. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
23. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
24. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
25. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
26. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
27. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
28. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
29. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
30. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
31. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

32. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
34. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
35. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
37. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
38. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
39. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
40. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
41. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
42. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
43. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam
44. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap

45. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
46. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
47. Puan Hasnah binti Najeri
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Jabatan Pengurusan
Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

URUS SETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan